

Deklarasi BUKIT TINGGI

Universiti Teknologi MARA

Menyedari cabaran alaf baru, persaingan era globalisasi dan arus perubahan di dalam dunia pendidikan, universiti ini memerlukan kesepakatan dalam memperkemaskan halatujunya. KAMI, peserta PERSIDANGAN PENSTRUKTURAN UiTM yang mewakili seluruh warga UiTM begitu prihatin terhadap keutuhan dan keupayaan universiti ini dalam merealisasikan wawasan pembangunan sosio-ekonomi negara. Kami dengan tekad dan semangat kerjasama bersepakat menyokong usaha menstrukturkan universiti ini berasaskan kepada prinsip Mesra Insan, Mesra Ilmu dan Mesra Alam serta Strategi 21 demi memartabatkan UiTM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia.

1. Bahawa Falsafah, Visi, dan Misi UiTM dengan ini dimantapkan untuk dikongsi dan didokong oleh semua warga UiTM:

- a) FALSAFAH:** Kepercayaan bahawa individu mampu berusaha mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan graduan profesional yang berperanan membangunkan diri, masyarakat dan negara.
- b) VISI:** Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme Bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.
- c) MISI:** Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran Bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

2. Bahawa penstrukturuan universiti ini meliputi aspek kualiti FIZIKAL dan kualiti KEMANUSIAAN dengan

- a)** Aspek kualiti fizikal menjurus kepada persekitaran, sumber, program pengajaran & pembelajaran, penyelidikan, sokongan akademik, serta matlamat dan struktur governans manakala,
- b)** Aspek kualiti kemanusiaan menjurus kepada perubahan minda, pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, personaliti, sikap, kesedaran, rasa kesyukuran, semangat, nilai dan etika, kejujuran & integriti serta kebertanggungjawaban dan kesungguhan dalam menjayakan sebuah universiti yang bertaraf dunia.

3. Dengan mengiktiraf bahawa penstrukturuan UiTM ini sangat relevan, kami bersetuju mengambil ketetapan untuk bertindak secara bersama-sama dan secara individu, untuk melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang dibahagikan kepada tiga komponen utama:

- Pembangunan Akademik
- Pembangunan Pelajar
- Pembangunan Fizikal & Pentadbiran yang berkualiti.

DATO' SERI PROFESOR DR. IBRAHIM ABU SHAH

Tarikh: 4 Januari 2004



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA